

Najib kesal pemimpin Pas tuduh PM tonton video lucah

KUALA LUMPUR 29 Julai — Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak kesal dengan tuduhan seorang pemimpin Pas yang menuduh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menonton video lucah bersama cucunya.

Sambil menyifatkan parti itu mengemukakan nolitik tidak beretika, beliau berkata, perbuatan tersebut juga jelas menunjukkan para pemimpin parti pembangkang itu telah kehabisan modal dalam meraih sokongan rakyat.

“Tuduhan seperti menyerang peribadi seseorang sepatutnya tidak berlaku sebaliknya Pas perlu membuktikan dasar-dasar mereka yang kononnya lebih baik daripada kerajaan sedia ada.

“Rakyat harus sedar atau tidak terpengaruh sekali gus menolak politik seperti ini,” katanya yang juga Menteri Pertahanan selepas menyampaikan pingat ‘Dag Hammarskjold’ kepada 15 balu anggota tentera Malaysia yang terkorban dalam misi PBB di Kementerian Pertahanan, di sini hari ini.

Najib mengulas klip video yang disiarkan oleh Berita Perdana RTM mengenai

bekas ahli Parlimen Bachok, Bunyamin Yaacob yang mendakwa kononnya Perdana Menteri menonton video lucah bersama cucunya, untuk dijadikan iktibar oleh masyarakat.

Mengulas lanjut, Najib menyerahkan kepada pihak berkuasa sama ada untuk mengambil tindakan mahkamah kerana melemparkan tuduhan terhadap Perdana Menteri.

Dalam perkembangan lain, Najib berkata, Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA) di Langkawi pada masa akan datang akan berlangsung seperti biasa walaupun sebuah pesawat pejuang Sukhoi Su-27 terhempas dalam pertunjukan udara di Ukraine, kelmarin.

Beliau berkata, ini kerana penganjur LIMA tidak akan berkompromi dengan peraturan keselamatan yang ketat dan pihaknya yakin tragedi seperti itu tidak akan terjadi di Langkawi.

“Kita akan mematuhi segala piawaian keselamatan dalam mengendalikan pertunjukan udara sewaktu LIMA berlangsung,” katanya.